

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, 9 April, 2019 10:42 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bagaimana Rasanya Bila Tidak Dapat Melihat?



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

09 APRIL 2019 / 03 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

BAGAIMANA RASANYA BILA TIDAK DAPAT MELIHAT?



UUM ONLINE: Tidak tahu ke mana hendak dituju, langkahnya terhuyung-hayang ke sana ke mari adakalanya terlanggar sesuatu yang menyakitkan kerana jalan yang dilalui gelap gelita tidak nampak cahaya.

Menyelami sisi kehidupan si buta yang penuh mencabar, Persatuan Mahasiswa Istimewa menganjurkan program Blind Walk 1.0 yang memberi kesedaran kepada lebih kurang 100 peserta terhadap Orang Kelainan Upaya (OKU) Penglihatan.

Pengarah projek, Sim Lai Yee berkata, program itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar normal untuk merasai pengalaman menjadi OKU Penglihatan.

“Melalui simulasi ini mereka berpeluang merasai sendiri bagaimana rasanya menjadi buta dan berdepan kesukaran untuk melihat sekeliling ketika berjalan terutamanya ketika berada di persekitaran yang baharu.

“Sebelum acara diteruskan seawal 7.30 pagi, para peserta melakukan senamrobik untuk memanaskan badan sejurus sebelum dilepaskan secara berpasangan oleh penasihat PERMAI, Ilyas Sofian,” ujarnya yang juga OKU Pekak.

Sementara itu, siswi Siti Hadijah Amdan berkata, dalam simulasi ini, peserta bergerak secara berpasangan menuju ke Pusat Sukan.

“Salah seorang daripada pasangan hendaklah menutup mata dan berjalan seperti orang buta manakala pasangannya menjadi penunjuk arah sehingga tiba di *check point* pertama dan bertukar posisi sebelum meneruskan perjalanan.

Para peserta yang berjalan sejauh 3 kilometer hingga ke garisan penamat disambut dengan tepukan gemuruh dan dikalungkan pingat oleh penasihat kedua PERMAI, Meor sebelum acara setersunya dilakukan di Pusat Sukan.

Majlis turut diserikan dengan persembahan OKU penglihatan UUM, Muhammad Nasrun Fadhli Norsalim, ucapan Uncle Soho bertajuk *Turn your hand, change your life* dan *Doing Good and Doing Green* dan *Sign Language Choir* oleh pelajar Kelas Bahasa Isyarat (BIM) PERMAI.

Manakala Nurafidah Mohamed, 22 yang menghadapi masalah penglihatan kategori B3 iaitu masih boleh melihat tetapi agak terhad tetap bersyukur dan reda dengan ketentuan Ilahi.

“Jika lihat dari segi luaran saya kelihatan seperti orang normal namun pernah rasa rendah diri ketika mula-mula masuk ke tingkatan 6. Bila rakan-rakan tahu saya OKU penglihatan ada yang menjauhkan diri dan saya berasa amat sedih.

Namun Nurafidah mula bangkit apabila melihat kegigihan dan perjalanan hidup abangnya yang merupakan OKU penglihatan kategori B1 iaitu buta sepenuhnya tetapi cukup kuat dan tabah.

“Dia buta tetapi seorang yang kuat semangat dan tabah. Seperti orang lain dia boleh bekerja, berdikari, menjaga anak, menanggung Pengajian saya belajar dan ibu yang sakit. Dia tidak peduli dengan kata-kata negatif masyarakat malah berusaha mempertahankan hak oku yang ditindas.

“Pada saya kesukaran yang saya alami tidak begitu rumit berbanding abang, di situlah saya belajar sikit demi sedikit untuk menerima persepsi masyarakat sekeliling yang tidak semua boleh terima orang yang bergelar OKU,” ujarnya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.